



**LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA**  
**BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA**



Tkt 17, Ibu Pejabat JKR  
Jalan Sultan Salahuddin  
50582 Kuala Lumpur  
Tel: 603-26967999/7809/7803/8140/8142  
Fax: 603-26925680  
E-mail: info@bqsm.gov.my  
Website: www.bqsm.gov.my

Yang Di Pertua: **DATO' Sr ABDULL MANAF BIN HJ. HASHIM**  
DIMP, KMN, AMN, AMT, PJC, MIS (M)

Pendaftar: **Sr ABD SHUKOR BIN IBRAHIM**  
KMN, AMP, MIS (M)

Setiausaha: **Sr RATNA MAHYUDDIN**  
DJN, FISM

**SURAT PEKELILING BIL. 3/2009**

24 November 2009

Kepada : Semua Juruukur Bahan Berdaftar  
Semua Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar  
Semua Juruukur Bahan Berdaftar Sementara  
Semua Firma Perunding Juruukur Bahan Yang Berdaftar

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**GARISPANDUAN PENGIRAAN JUMLAH DISKAUN KE ATAS BAYARAN FI BAGI  
BANGUNAN-BANGUNAN BERULANG**


- 1.0 Surat Pekeliling ini adalah untuk menjelaskan cara pengiraan fi bagi projek yang melibatkan bangunan-bangunan berulang untuk kategori B untuk perkhidmatan professional ukur bahan berdasarkan Skala Fi yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan melalui surat arahan perbendaharaan rujukan S(K&B)(8.09)735/9-24Jld (7) bertarikh 15 Februari 2008.
- 2.0 Pengiraan fi projek yang terlibat bangunan-bangunan berulang hendaklah dibuat mengikut contoh di Lampiran (i) di mana:
  - A) Kirakan jumlah fi keseluruhan projek berdasarkan skala fi yang berkenaan.
  - B) Semua peringkat perkhidmatan hendaklah dibayar fi penuh kecuali bagi peringkat 2 – Penyediaan senarai kuantiti dan dokumen tender lain.
  - C) Bayaran fi bagi peringkat 2 – Penyediaan senarai kuantiti dan dokumen-dokumen tender lain hendaklah diberi diskaun seperti yang ditetapkan dalam Perjanjian Perlantikan. Pengiraan diskaun adalah seperti berikut:
    - i) Jumlah fi bagi setiap jenis bangunan-bangunan berulang hendaklah ditentukan dengan membahagikan jumlah nilai bangunan-bangunan berulang itu (tidak termasuk nilai unit pertama) dengan Nilai Kerja dan didarab dengan jumlah fi keseluruhan projek.
    - ii) Purata fi bagi satu unit bangunan-bangunan berulang yang akan dijadikan asas pengiraan fi unit-unit berulang setiap jenis bangunan hendaklah ditentukan dengan membahagikan fi bagi setiap jenis bangunan-bangunan berulang itu dengan bilangan unitnya (tidak termasuk unit pertama).
    - iii) Unit pertama bangunan-bangunan berulang adalah termasuk dalam kerja yang tidak berulang oleh itu hendaklah dibayar fi penuh.
  - D) Jumlah fi yang layak diterima oleh Perunding ialah jumlah penuh fi bagi semua peringkat perkhidmatan (selain daripada peringkat 2) dan fi bagi Peringkat 2 setelah mengambilkira diskaun bagi bangunan-bangunan berulang.

3.0 Garispanduan ini adalah berkuatkuasa bagi semua projek di mana Memorandum Perjanjian (MOA) berdasarkan skala fi di atas.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Dengan Perintah Lembaga



Abd Shukor bin Ibrahim  
Pendaftar  
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

**BUILDING WORKS CATEGORY B**

A Fees for project (before discount for repetitive works)

Cost of Works*	RM	26,960,000.00				
Total Fees						
Fee for 1st RM20,00m	RM		388,750.00			
Fee for the balance of the Cost of works @ 1.30%	RM		90,480.00			
	RM		<u>479,230.00</u>			

B Fees for other stages of services excluding Stage 2

RM 249,199.60

52% of Total Fees

C Fees for Stage 2 - Preparation B.Q. and other tender documents

Fees for Stage 2 before discount (Total Fees - Fees for other stages of Services) 230,030.40

Fees for Stage 2 for non - repetitive works (inclusive 1st unit of repetitive buildings) 230,030.40

93,172.55

Fees for Stage 2 for Repetitive works (4 units) 230,030.40

136,857.85

Full Fees for one block =  $\frac{136,857.85}{4}$  units

RM 34,214.46

**Fees for repetitive works (4 units)**

a) 2nd Unit	65% of Full Fees	RM	22,239.40
b) 3rd Unit	55% of Full Fees	RM	18,817.95
c) 4th Unit	45% of Full Fees	RM	15,396.51
d) 5th Unit	40% of Full Fees	RM	13,685.78
Total discount		RM	<u>70,139.65</u>

Fees for Stage 2 after discount RM 163,312.20

D TOTAL FEES for the Project B + C

RM 412,511.80

\* Inclusive 5 units of building of the same design (repetitive) with a total value of RM20,050,000.00